

**1. Apakah Program Happy Rewards BSN?**

Program Happy Rewards BSN ("Program") adalah program yang membolehkan mana-mana Ahli Kad Kredit BSN ("Ahli Kad") untuk mengumpul *Happy Points* pada perbelanjaan kad mereka dan *Happy Points* boleh digunakan untuk menebus pelbagai produk dan ganjaran yang terkandung di dalam Katalog Program Happy Rewards BSN ("Katalog").

**2. Siapakah yang boleh menyertai Program ini?**

Ahli Kad yang mempunyai akaun yang sah dengan kedudukan yang baik, tidak dibatalkan, digantung atau ditamatkan oleh BSN, kecuali Ahli Kad Kredit BSN-AIAFAM Visa Platinum dan Kad Kredit BSN Visa Cash Back, layak untuk menyertai Program ini tertakluk pada terma dan syarat.

Ahli Kad Utama atau Ahli Kad Tambahan bagi Kad Kredit BSN-AIAFAM Visa Platinum dan Kad Kredit BSN Visa Cash Back tidak layak untuk menyertai Program ini.

**3. Apakah transaksi yang layak untuk memperolehi Happy Points?**

Semua transaksi runcit yang dibuat di dalam dan luar negara, termasuk transaksi dalam talian (*online*) layak untuk memperolehi *Happy Points* kecuali transaksi yang dinyatakan di Soalan 4.

**4. Apakah transaksi yang tidak layak untuk memperolehi Happy Points?**

Transaksi-transaksi berikut tidak layak untuk peruntukan *Happy Points*:

- (a) Pendahuluan Tunai/Pengeluaran Tunai/Pulangan Tunai;
- (b) Program Pindahan Baki BSN/ Pelan 0% EasyPay BSN/ Pelan Instalment-Pay BSN/ Pelan EasyCash BSN;
- (c) Bayaran yuran tahunan, caj faedah/kewangan/yuran pengurusan, caj pembayaran lewat, yuran pendahuluan tunai, yuran pemprosesan dan bayaran lain, yuran dan/atau penalti yang dikenakan oleh BSN atau sebaliknya;
- (d) Pembalikan/Bayaran Balik;
- (e) Pertikaian, Transaksi Runcit yang tidak dibenarkan dan/atau Penipuan Transaksi Runcit;
- (f) Pecahan dan/atau Transaksi tidak sah;
- (g) Cukai Perkhidmatan dan lain-lain cukai yang diperuntukkan di bawah undang-undang;
- (h) Premium/sumbangan untuk Credit Shield atau Perlindungan Kad Kredit atau mana-mana insurans/takaful kredit yang lain;
- (i) Pembayaran kadar, caj, denda kepada badan kerajaan, badan berkanun dan badan kehakiman;
- (j) Transaksi yang dilakukan di stesen minyak.
- (k) Tambah nilai prabayar, tambah nilai untuk e-dompet atau lain-lain kredit simpanan;
- (l) Pembayaran melalui *JomPAY* dan *Financial Process Exchange (FPX)* - **Berkuat kuasa 15 Ogos 2023.**

**5. Bagaimana saya boleh memperolehi *Happy Points* saya?**

*Happy Points* diberikan kepada anda berdasarkan keseluruhan jumlah pembelian runcit dalam Ringgit Malaysia ("RM") (di dalam dan/atau di luar Malaysia) yang dicaj kepada Kad Kredit anda di mana: -

- (a) Anda akan memperoleh satu (1) *Happy Points* untuk transaksi runcit di dalam Malaysia (dibayar dalam Ringgit Malaysia);
- (b) Anda akan menperoleh dua (2) *Happy Points* untuk transaksi runcit luar Malaysia (dibayar dalam matawang asing).

**6. Bagaimana saya boleh menyemak baki *Happy Points* saya?**

*Happy Points* anda yang terkumpul akan dinyatakan dalam penyata bulanan Kad anda. Sebagai alternatif, anda juga boleh menyemak melalui saluran berikut: -

- (a) Log masuk ke Laman Sesawang *Happy Rewards* BSN di [www.bsnhappyrewards.com.my](http://www.bsnhappyrewards.com.my)
- (b) Hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 1300 88 1900 atau +603-2613 1900 (luar negara).

**7. Adakah *Happy Points* saya akan luput?**

Ya. Mulai 1 Jun 2016, *Happy Points* akan mempunyai tempoh tamat selama 3 tahun. *Happy Points* yang diperolehi dalam bulan tertentu adalah sah sehingga akhir bulan kalender tersebut dalam tahun ketiga (3).

- (a) Semua *Happy Points* yang diperolehi sebelum 31 Mei 2016 akan tamat tempoh pada 31 Mei 2019.
- (b) Semua *Happy Points* yang diperolehi bermula 1 Jun 2016 dan seterusnya, akan mempunyai tempoh 3 tahun sebelum tamat tempoh berdasarkan bulan *Happy Points* diperolehi. Berikut adalah contoh jadual yang menggambarkan *Happy Points* terkumpul dan tarikh luput:

Tahun	<i>Happy Points</i> Terkumpul	<i>Happy Points</i> Tarikh Luput
Sebelum 31 Mei 2016	Sehingga 31 Mei	31 Mei 2019
Jun 2016	Daripada 1 hingga 30 Jun	Pada 30 Jun 2019
Disember 2017	Daripada 1 hingga 31 Disember	Pada 31 Disember 2020
Julai 2020	Daripada 1 hingga 31 Julai	Pada 31 Julai 2023

**8. Bolehkah saya menggabungkan *Happy Points* saya untuk penebusan jika saya mempunyai lebih daripada satu (1) Kad Utama?**

Ya. Anda boleh menggabungkan *Happy Points* terkumpul anda bagi setiap Kad untuk penebusan.

**9. Bagaimana saya boleh membuat penebusan?**

Anda boleh menebus melalui saluran berikut:-

- (a) Lengkapkan borang penebusan Happy Rewards BSN yang boleh didapati di mana-mana cawangan BSN atau Laman Sesawang Rasmi BSN dan

(i) faks kepada 03-2162 2659, atau

(ii) emel kepada: cardservices@bsn.com.my, atau

(iii) hantar melalui pos kepada:

**BANK SIMPANAN NASIONAL**

**Unit Redemption, Jabatan Perniagaan Kad**

**Tingkat Bawah, Blok A**

**No 117, Jalan Ampang**

**50450 Kuala Lumpur**

**10. Bolehkah Ahli Kad Tambahan saya menebus Happy Points beliau?**

Tidak. *Happy Points* hanya boleh ditebus oleh Ahli Kad Utama.

**11. Bagaimanakah Ganjaran Hadiah akan dihantar kepada saya?**

Ia akan dihantar melalui kurier kepada anda oleh peniaga/pembekal yang dilantik kepada alamat yang dinyatakan di dalam pesanan penebusan *Happy Rewards* BSN. Penghantaran tidak akan dibuat ke alamat Peti Surat, alamat Zon Perdagangan Bebas, alamat yang tidak ditawarkan perkhidmatan oleh penyedia kurier atau alamat di luar Malaysia.

**12. Bilakah saya akan menerima Ganjaran Hadiah?**

Ganjaran Hadiah yang ditebus akan dihantar melalui kurier ke alamat yang ditetapkan dalam tempoh dua (2) hingga tiga (3) minggu dari masa pesanan penebusan *Happy Rewards* BSN diterima oleh BSN. Walau bagaimanapun jika anda tidak menerima Ganjaran Hadiah selepas tempoh ini, anda boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan BSN di 1300-88-1900.

**13. Adakah terdapat sebarang caj untuk penghantaran?**

Penghantaran melalui kurier adalah percuma termasuk ke Sabah & Sarawak tetapi caj kurier akan dikenakan ke atas Akaun Ahli Kad untuk sebarang penghantaran semula ke alamat yang lain daripada alamat penghantaran asal selepas percubaan kedua.

**14. Bolehkah saya kembalikan atau membuat pertukaran Ganjaran Hadiah selepas penebusan?**

Semua Ganjaran Hadiah yang ditebus tidak boleh dipulangkan atau ditukar melainkan jika Ganjaran Hadiah yang diterima adalah dalam keadaan seperti di bawah ini dan dilaporkan dalam tempoh masa yang diberikan daripada tarikh penerimaan. Permintaan selain daripada itu, tidak akan dilayan.

**(a) Kerosakan disebabkan oleh Penghantaran (rosak/kemek):-**

(i) Sila hubungi Khidmat Pelanggan BSN dalam tempoh tiga (3) hari bekerja daripada tarikh penerimaan Ganjaran Hadiah untuk melaporkan kerosakan, atau

(ii) Kembalikan barang tersebut kepada Unit Redemption BSN, Jabatan Perniagaan Kad, Tingkat Bawah Blok A, No 117, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur dalam tempoh tiga (3) hari bekerja daripada tarikh penerimaan Ganjaran Hadiah.

(iii) Khidmat Pelanggan Profesional akan membuat pengaturan dengan peniaga/pembekal berkenaan untuk menghubungi pelanggan.

(b) **Kerosakan disebabkan oleh Pengilangan:-**

(i) Terdapat kad jaminan disertakan, sila hubungi syarikat berkenaan.

**15. Adakah *Happy Points* saya boleh dipindah milik?**

Tidak. *Happy Points* anda tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana akaun lain termasuk akaun Ahli Kad Tambahan anda atau pihak ketiga. Walau bagaimanapun jika kad gantian dikeluarkan, *Happy Points* yang terkumpul yang diperolehi dalam Kad lama akan dipindahkan secara automatik ke Akaun Kad yang baru.

**16. Jika saya membatalkan kad kredit/-i BSN, adakah saya masih boleh menebus *Happy Points* saya?**

Tidak. Apabila kad dibatalkan, semua *Happy Points* akan dibatalkan dan anda tidak layak untuk membuat penukaran dan/atau penebusan.

**Nota:**

1. Kami menasihatkan anda untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh Program Happy Rewards BSN.
2. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 1300-88-1900 (tempatan), +03-26131900 (luar negara) atau email ke [customercare@bsn.com.my](mailto:customercare@bsn.com.my)